

Projek perumahan sakit, lewat terbengkalai berjaya dikurangkan

Kuala Lumpur: Jumlah projek sakit, lewat dan terbengkalai berjaya mencatatkan penurunan hasil tindakan berkesan Pasukan Petugas Khas Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) bersama pihak berkepentingan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata jumlah projek lewat menunjukkan penurunan tertinggi sebanyak 24 peratus iaitu daripada 146 kepada 111 projek, setakat 31 Oktober lalu.

Katanya, dalam tempoh sama, jumlah projek sakit menurun daripada 353 kepada 335 projek, manakala projek terbengkalai berkurang daripada 107 kepada 105 projek.

"Bagi tahun ini saja, 395 projek sakit dan lewat dipulihkan membabitkan 44,806 unit rumah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM33.75 bilion.

"Selain itu, 11 projek terbengkalai merangkumi 2,085 unit rumah bernilai RM239 juta diselesaikan sama ada melalui pemulihan atau

kaedah alternatif hingga memperoleh Perakuan Siap dan Pematuan (CCC)," katanya menerusi hantaran di laman sosial, Facebooknya semalam.

Aiman Athirah berkata, sejak TFST ditubuhkan pada 2023, sebanyak 1,333 projek perumahan swasta membabitkan 159,638 unit rumah dengan GDV berjumlah RM126.47 bilion berjaya dipulihkan.

Katanya, TFST tidak hanya bergantung kepada laporan di atas kertas, sebaliknya turut melaksanakan lawatan tapak secara langsung bagi memastikan tindakan diambil adalah berpaksikan realiti sebenar di lapangan.

"Kejayaan ini hasil komitmen padu dan semangat kolektif antara pasukan TFST, pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi teknikal serta penyedia utiliti yang sentiasa berperanan memastikan setiap projek dapat disiai dan dise-

rahan kepada pembeli dengan segera.

"TFST akan terus menjadi benteng hadapan dalam memacu agenda pemulihan projek perumahan swasta yang sakit dan terbengkalai," katanya.

Keutamaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah memastikan hak setiap keluarga yang menanti rumah mereka terjamin.

"KPKT tidak akan berundur dalam usaha mencapai sifar projek terbengkalai menjelang 2030.

"Kita juga komited memperkuatkan sistem pemantauan, memperluas kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta mempertingkatkan intervensi bagi memastikan industri perumahan negara terus berkembang secara mampan, berdaya saing dan berintegriti," katanya.



Aiman Athirah Sabu